

SOALAN NO: 61

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : Lisan

**DARIPADA : YB. Datuk Ikmal Hisham Bin Abdul Aziz
[Tanah Merah]**

TARIKH : 21 Oktober 2015

**SOALAN : YB. Datuk Ikmal Hisham Bin Abdul Aziz
minta MENTERI PERTANIAN DAN
INDUSTRI ASAS TANI menyatakan
perkembangan setakat ini berhubung
desakan petani-petani supaya mereka juga
menerima elaun sara hidup RM200 seperti
mana dinikmati oleh nelayan.**

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) memang prihatin terhadap peningkatan kos sara hidup yang dihadapi oleh rakyat ketika ini, tidak terkecuali juga para petani. Justeru itu, Kerajaan sentiasa berusaha untuk mencari pelbagai kaedah dan mekanisme untuk mengurangkan bebanan sara hidup rakyat.

Berhubung cadangan memperkenalkan elaun sara hidup kepada para petani, Kerajaan sedar bahawa pemberian bantuan seumpama ini boleh memberikan manfaat dalam membantu meringankan beban kumpulan berkenaan. Namun demikian, Kerajaan berpandangan bahawa pemberian bantuan secara langsung bukanlah satu kaedah terbaik untuk membantu rakyat khususnya dalam memastikan kelangsungan dalam jangka masa panjang.

Oleh itu, ketika ini MOA melalui jabatan dan agensi telah pun melaksanakan beberapa bentuk bantuan yang lebih bersifat “*sustain*” kepada kumpulan sasar berkenaan bagi membantu meningkatkan pengeluaran hasil pertanian dan pendapatan seperti berikut:

- (i) Projek Fertigasi Rakyat;

- (ii) Projek Bantuan Bagi Peningkatan Pengeluaran Sayur-sayuran;
- (iii) Projek Pakej Amalan Teknologi Sayur dan Tanaman Kontan;
- (iv) Insentif Peningkatan Hasil;
- (v) Skim Baja Padi Kerajaan Persekutuan;
- (vi) Skim Insentif Pengeluaran Padi;
- (vii) Subsidi Harga Padi;
- (viii) Subsidi Harga Beras;
- (ix) Insentif Benih Padi Sah;
- (x) Subsidi Padi Bukit/ Padi Huma di Sabah dan Sarawak; dan
- (xi) Pembiayaan melalui Program Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN) kepada sektor pertanian dan perusahaan tani.

Dengan bantuan sebegini, Kerajaan berkeyakinan kelompok berkenaan akan dapat dibantu untuk jangka masa panjang.